

**UCAPAN YANG BERBAHAGIA SR. TAN CHENG CHUI,
PEMANGKU YANG DIPERTUA,
MAJLIS PERBANDARAN P. PINANG
DI MAJLIS PENYAMPAIAN SIJIL PENGHARGAAN
DAN CENDERAHATI KEPADA PESARA-PESARA
MAJLIS PERBANDARAN PULAU PINANG
PADA HARI SELASA, 26 MEI 2009
JAM 11.00 PAGI DI TOWNHALL, JALAN PADANG KOTA
LAMA, PULAU PINANG**

Saudari Pengacara Majlis,

Yg Berusaha Encik Tan Hun Wooi

Ketua-ketua Jabatan;

Wakil-wakil Kesatuan Sekerja;

Para Wartawan;

Dato', tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati
sekalian,

2. Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Jawatankuasa Penganjur majlis ini kerana telah sudi menjemput saya ke Majlis Penyampaian Sijil Penghargaan Dan Cenderahati Kepada Pesara-pesara Majlis yang telah bersara sepanjang tahun 2008.

3. Majlis yang dianjurkan ini adalah sebagai tanda penghargaan dan ucapan terima kasih di atas jasa bakti dan kesetiaan Dato', tuan-tuan dan puan-puan yang telah berkhidmat di Majlis Perbandaran Pulau Pinang. Kepada pesara-pesara yang diraikan terima kasih kerana sudi hadir walaupun sebahagiannya terpaksa datang dari jauh.

4. Bersama-sama kita pada pagi ini adalah seramai 70 orang bekas kakitangan yang telah berkhidmat selama bertahun-tahun dengan Majlis serta memberi sumbangan yang berharga sehingga mereka mencapai umur wajib bersara 55/56 tahun. Mereka telah menunjukkan satu komitmen dan kesetiaan kepada organisasi dan boleh dijadikan contoh yang baik di kalangan yang sedia ada.

Turut serta di majlis ini adalah 4 orang pesara-pesara muda yang bersara secara pilihan sendiri setelah mencapai umur 40 tahun untuk meneruskan kerjaya-kerjaya lain atau menceburi bidang perniagaan dan 13 orang balu atau waris kepada kakitangan kita yang telah meninggal dunia.

5. Dato', tuan-tuan dan puan-puan para pesara sekalian;

Sebagai bekas kakitangan Majlis Perbandaran Pulau Pinang, sumbangan dan peranan yang telah diberikan kepada negara, organisasi dan masyarakat oleh Dato', tuan-tuan dan puan-puan sama ada secara rasmi atau tidak rasmi, amatlah penting dan berharga. Dato', tuan-tuan dan puan-puan telah memberi komitmen yang bersungguh-sungguh dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan selama lebih dari 25 tahun dalam perkhidmatan di Majlis.

Sehubungan itu, saya berharap sumbangan bakti dan kerjasama pesara sekalian dalam membantu Kerajaan membangunkan Malaysia sebagai negara maju selepas persaraan ini akan dapat diteruskan. Saya bagi pihak Ahlimajlis dan kakitangan Majlis sekalian, ingin mengucapkan 'selamat bersara' kepada Dato', tuan-tuan dan puan-puan.

6. Di kesempatan ini saya dan seluruh kakitangan Majlis mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih di atas sumbangan Dato', tuan-tuan dan puan-puan kepada Majlis sehingga ke akhir perkhidmatan. Semoga hasil usaha gigih Dato', tuan-tuan dan puan-puan dapat diwarisi dan diteruskan oleh kakitangan yang masih berkhidmat.

7. Tempoh 25 tahun atau lebih, merupakan satu jangka masa yang lama. Sepanjang tempoh tersebut berbagai cabaran yang terpaksa diharungi untuk sama-sama meningkatkan perkhidmatan Majlis Perbandaran Pulau Pinang.

Saya juga percaya ada yang tidak mahu pengalaman yang ditimba selama 25 tahun atau lebih itu dibiarkan berlalu begitu sahaja dan dengan itu berazam untuk terus bergiat aktif dalam lapangan baru.

8. Di sini sukalah saya mengesyorkan supaya Dato', tuan-tuan dan puan-puan terus menjadi warga yang cergas dan berkhidmat kepada masyarakat kita di lapangan-lapangan lain yang sangat memerlukan pertolongan dan bantuan langsung daripada Dato', tuan-tuan dan puan-puan seperti Rukun Tetangga dan Persatuan Penduduk, Jawatankuasa-jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung, pertubuhan-pertubuhan kebajikan dan rumah-rumah anak yatim. Sekaranglah merupakan masa yang terbaik untuk sama-sama bekerja dan menyumbang kepada masyarakat dan negara.

9. Saya juga berharap walaupun Dato', tuan-tuan dan puan-puan telah bersara, ini tidak bermakna Majlis Perbandaran Pulau Pinang akan terus ditinggalkan. 'Tempat jatuh lagi dikenang, inikan pula tempat bermain'. Saya berharap hubungan yang terbina dapat dikekalkan dengan sumbangan ilmu dan kepakaran yang ada.

Walau apapun bidang yang dipilih untuk diceburi, satu perkara yang nyata ialah adanya peluang bagi Dato', tuan-tuan dan puan-puan untuk melakukan sesuatu yang berfaedah tanpa dikongkong oleh masa dan boleh membuat pilihan sendiri dan menentukan sendiri jadual harian.

Walau apapun arah tuju yang dipilih, jagalah kesihatan masing-masing.

10. Akhir kata bagi pihak Majlis Perbandaran Pulau Pinang, saya ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kami kepada semua pegawai dan kakitangan Majlis yang telah bersara kerana dedikasi dan kerja keras Dato', tuan-tuan dan puan-puan selama berkhidmat dengan Majlis. Saya juga berdoa semoga Dato', tuan-tuan dan puan-puan dikurniakan kesihatan yang baik dan dapat bersama-sama keluarga dan sahabat handai.

Saya merasa yakin Majlis Perbandaran Pulau Pinang akan terus dikenang dan bersemadi di hati Dato', tuan-tuan dan puan-puan untuk selama-lamanya.

Sekian, SELAMAT BERSARA